



# PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TINGKATAN EMPAT TAHUN 2016

SEMENANJUNG MALAYSIA

MRSM menyediakan sistem pendidikan yang berteraskan ilmu, teknologi dan nilai-nilai keusahawanan bagi melahirkan insan cemerlang yang holistik dan berintegriti.

MARA mempelawa pelajar TINGKATAN TIGA 2015 berpotensi yang berminat dan cemerlang dalam sahsiah diri serta akademik untuk kemasukan ke MRSM tingkatan 4 pada tahun 2016 di Semenanjung Malaysia.

MARA memberi keutamaan diberikan kepada pemohon daripada **keluarga berpendapatan rendah** di luar bandar dan bandar.

Pemohon hendaklah mempunyai **keperibadian yang baik** dan memenuhi syarat kelayakan seperti di bawah:

- Memiliki sikap diri yang positif.
- Tahap kesihatan yang baik dan mampu menjalani program kecerdasan fizikal.
- Pelajar bersedia untuk tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian dan mematuhi arahan serta peraturan dengan penuh disiplin.
- Aktif kegiatan kokurikulum dan bersedia mengikuti pelbagai program yang dianjurkan.
- Sentiasa menjaga nama baik keluarga, MRSM dan MARA.

## A. CARA MEMOHON KATA LALUAN :

- Pemohon baru perlu mendapatkan katalaluan permohonan terlebih dahulu secara dalam talian (*online*).
- Pemohon perlu layari laman web <https://mohon.mrsm.edu.my/form4/login.jsp> untuk mendapatkan katalaluan permohonan.
- Pengambilan katalaluan permohonan adalah percuma.
- Tempoh pengambilan katalaluan permohonan dibuka mulai **19 Oktober hingga 8 November 2015**.

## B. MENGISI BORANG PERMOHONAN ONLINE :

- Selepas mendapat katalaluan, pemohon mestilah mengisi borang permohonan *online* melalui laman web <https://mohon.mrsm.edu.my/form4/login.jsp>.
- Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan online dan memastikan borang tersebut dihantar secara *online*. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web MARA di alamat : <http://www.mara.gov.my>
- Pemohon perlu mengisi nombor telefon mudah alih dan emel yang boleh dihubungi untuk memudahkan penyaluran maklumat permohonan dan penghantaran Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).
- Tempoh mengisi borang permohonan online ialah mulai **19 Oktober hingga 8 November 2015**.
- Cetakan borang permohonan dan semua dokumen berkaitan yang telah disahkan perlu dibawa ke pusat ujian semasa UKKM.

## C. UJIAN KECENDERUNGAN KEMASUKAN KE MRSM (UKKM)

1. Pemohon akan menduduki UKKM pada tarikh antara 16 hingga 20 November 2015.
2. Tempat dan tarikh ujian akan dipilih oleh pemohon semasa mengisi borang permohonan secara *online*.
3. Pemohon perlu membawa cetakan borang permohonan dan semua dokumen berkaitan yang telah disahkan ke pusat ujian yang telah dipilih.

## D. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM

- Memperoleh keputusan minimum 6A 4B dalam PT3 (tidak termasuk mata pelajaran Bahasa Tambahan dan Pendidikan Kesenian). Gred A bagi mata pelajaran Matematik dan Sains

# PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) **TINGKATAN EMPAT TAHUN 2016**

SEMENANJUNG MALAYSIA

## E. TARikh TUTUP PERMOHONAN :

- Tarikh akhir permohonan secara online ialah pada 8 November 2015.

## F. MAKLUMAT TAMBAHAN

- Pemohon mestilah warganegara Malaysia.
- Pemohon merupakan pelajar tingkatan tiga yang sedang bersekolah di Sekolah Menengah atau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).
- Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
- Permohonan yang tidak lengkap seperti tidak menghantar borang permohonan secara online tidak akan dipertimbangkan.
- Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga 30 April 2016, permohonan dianggap tidak berjaya.
- Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di MRSM yang bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MARA.
- MRSM menawarkan jurusan Sains Tulen sebagai jurusan utama.
- Pemohon yang sedang menuntut di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dibenarkan memohon dan tidak akan ditawarkan ke MRSM.
- Keputusan Jawatankuasa Pengambilan Pelajar MRSM adalah mutlak.

